

MAJLIS PELANCARAN BUKU KARYA AGUNG HIKAYAT TIGA NEGARA
17/05/2012

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas limpah, kurnia serta berkat izin-Nya jua maka kita dapat berhimpun pada pagi ini di Majlis Pelancaran Buku Karya Agung Hikayat Tiga Negara. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kerana telah sudi mengundang saya menyempurnakan majlis ini.

2. Saya ingin mengucapkan syabas, khususnya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka serta PERSPEKTIF kerana senantiasa gigih dan tidak pernah jemu-jemu untuk melestarikan pembudayaan ilmu, sekali gus menyemarakkan literasi budaya dan sejarah dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

3. Sinergi dan perkongsian pintar dalam bidang penerbitan buku, termasuklah, bidang penterjemahan karya sastera dan sejarah seperti karya agung Hikayat Tiga Negara ini, merupakan suatu manifestasi kecintaan kita terhadap budaya ilmu, terutamanya dalam konteks buku sebagai wadah ilmu pengetahuan yang malar segar.

4. Alam Melayu juga telah melahirkan karya pensejarahan atau historiografi yang diakui sebagai karya besar di peringkat antarabangsa, terutama Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu yang diiktiraf sebagai antara warisan persuratan dunia oleh UNESCO. Demikian juga epik yang cukup tersohor, yakni Hikayat Hang Tuah yang juga sarat dengan nilai-nilai moral, keagamaan, adat-istiadat Melayu, kesultanan dan ketuanan Melayu yang masyhur. Nilai-nilai kesetiaan kepada Raja dan Negara yang diolah dalam karya-karya klasik Melayu dan juga China, seperti Hikayat Tiga Negara merupakan nilai luhur yang seharusnya dipertahankan sebagai nilai dan amalan yang abadi untuk kestabilan masyarakat dan negara. Sebarang usaha untuk menidakkan kesetiaan kepada Raja dan negara hendaklah dihindari oleh semua pihak yang cinta kepada kestabilan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

5. Peristiwa-peristiwa sejarah ialah pencetus idea dan perangsang inspirasi untuk mencipta karya-karya sastera dan seni dalam pelbagai genre yang sarat dengan aneka warna kehidupan manusia dan kemanusiaan serta tamadun dan ketamadunan yang cukup signifikan untuk bacaan, tafsiran, renungan dan penghayatan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain.

6. Oleh itu, novel terjemahan Hikayat Tiga Negara yang pertama dalam bahasa Melayu di dunia ini, yang dilancarkan pada hari ini merupakan sebahagian daripada sumbangan intelektual kita untuk membolehkan masyarakat menikmati karya-karya sastera dan seni yang bermutu, dan yang terkenal dalam sejarah serta tamadun besar dunia.

7. Hikayat Tiga Negara ini ialah karya historiografi klasik China yang sarat dengan beberapa banyak episod sejarah yang beraneka warna dan disampaikan dalam olahan susastera. Unsur-unsur dan nilai keagamaan, moral dan kenegaraan yang disepadukan dalam karya itu dan juga dalam karya-karya klasik Melayu cukup bermanfaat untuk kita tafsirkan dan hayati dan kemudian kita saring untuk kita terapkan dalam amalan kehidupan berbangsa dan bernegara di bumi Malaysia yang bertuah ini. Amatlah penting bahawa nilai murni, khususnya yang

berhubung kait dengan tatasusila, adat-istiadat, ketaatan, kesetiaan dan kesatuan bangsa dipertahankan sebagai asas kelangsungan kehidupan bernegara, kerana nilai-nilai itu menjadi teras keutuhan negara dan rakyat keseluruhannya. Inilah iktibar yang mesti kita ambil daripada karya-karya besar persuratan kita dan juga karya-karya tamadun lain.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

8. Dengan mengambil iktibar daripada segala macam peristiwa itu, kita di Malaysia seharusnya bersyukur dan berasa bertuah, kerana berkat perpaduan dan kerjasama antara kaum yang dipelopori oleh Parti Perikatan pada tahun 1957 dengan gabungan tiga parti terbesar, yakni UMNO, MCA dan MIC, telah berjaya mencorakkan sejarah bangsa dan negara ini. Kini kesatuan dan perpaduan antara rakyat pelbagai keturunan menjadi lebih kukuh dengan ikatan pelbagai badan siasah yang mewakili semua keturunan di negara ini. Perpaduan ini tidak seharusnya dipandang ringan dan oleh itu tidak seharusnya pula dengan mudah dimusnahkan oleh gerakan atau tindakan yang tidak bertanggungjawab. Berkat perjuangan suci murni itulah, kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dapat kita capai pada 31 Ogos 1957 dan kemudian, kita telah melakarkan sejarah gemilang apabila berjaya membentuk Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.

9. Sejak detik itu, kita telah berjaya bangkit daripada suatu bangsa dan negara yang ketinggalan menjadi bangsa dan negara yang bersatu padu, sekali gus bergerak seiring dan sejalan, sehati dan sejiwa untuk membina bangsa dan negara Malaysia yang serba moden dan maju dalam segala segi. Amatlah penting bahawa semua rakyat yang cinta akan perpaduan kebangsaan terus mempertahankan kesatuan bangsa Malaysia demi masa depan kita bersama yang lebih gemilang.

10. Kejayaan yang amat menakjubkan itu telah dicemburui oleh beberapa banyak pihak sehingga ada yang beria-ia benar hendak menidakkannya dengan pelbagai gelagat yang berniat jahat dan tohmahan yang tidak berasas. Justeru, kita hendaklah memastikan bahawa segala kesejahteraan hidup dan kemakmuran yang telah kita capai itu tidak dirosakkan oleh golongan tertentu yang tidak bertanggungjawab itu.

11. Maka itu, demi menjamin kestabilan dan ketahanan politik, sosial dan ekonomi negara kita yang tercinta ini, kita harus menolak segala bentuk anasir dan tindak-tanduk melampau yang sengaja dicetuskan oleh sesetengah pihak yang cemburu akan keharmonian rakyat pelbagai keturunan dan kepesatan pembangunan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sejak negara kita mencapai kemerdekaan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,

12. Lima prinsip etika yang disebut dalam Hikayat Tiga Negara, iaitu nilai-nilai kemurahan hati(Ren), kesetiakawanan (Yi), tatasusila (Li), kebijaksanaan (Zhi) dan amanah (Xin) dalam konteks negara kita dapat dipertalikan dengan lima prinsip Rukun Negara yang menjadi asas keutuhan sistem kenegaraan kita. Justeru, menjadi tanggungjawab kita bersama untuk beretika, bermoral dan bertanggungjawab dalam memupuk, memelihara serta mempertahankan keharmonian, keamanan dan kestabilan bangsa dan negara kita. Kemajuan dalam bidang ekonomi dan aspek-aspek lain pembangunan fizikal tidak pernah mengizinkan kita untuk mengabaikan aspek nilai-nilai kemanusiaan, keadilan, tatasusila, kebijaksanaan dan amanah dalam tadbir urus bangsa dan negara kita yang tercinta ini. Itulah ialah falsafah dan pegangan kepemimpinan negara kita sejak awal kemerdekaan hingga kini dan masa

hadapan.

13. Sejarah kehancuran bangsa dan negara serta keruntuhan tamadun-tamadun lampau akibat perebutan kuasa seperti yang dipaparkan dalam novel Hikayat Tiga Negara itu, sebagaimana juga dalam sejumlah karya-karya klasik Melayu, sewajarnya kita jadikan teladan agar kita di Malaysia ini tidak terjerumus ke dalam kancah perebutan kuasa yang tidak demokratik, apatah lagi dengan menggunakan pelbagai muslihat kotor dan tidak beretika.

14. Peperangan terjadi akibat daripada perbalahan dan perpecahan sesama sendiri, perebutan dan sifat gila kuasa. Iktibarnya, tiada sesiapa pun yang menang atau untung sebagai akibat peperangan atau perpecahan. Banyak perkara yang akan musnah, banyak yang akan menjadi mangsa, malah banyak juga yang akan mengambil kesempatan “menangguk di air yang keruh”. Jadi, saya berharap pengajaran daripada peristiwa peperangan, perbalahan, perebutan kuasa sama ada yang dikisahkan dalam Hikayat Tiga Negara atau Sejarah Melayu, Hikayat Merong Mahawangsa dan yang lain-lainnya hendaklah dijadikan iktibar agar kita tidak terjebak dalam kancah yang merugikan itu yang boleh menghancurkan negara.

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

15. Penerbitan karya-karya klasik yang dikategorikan sebagai karya agung merupakan satu daripada sekian banyak usaha Kerajaan untuk menyuburkan literasi budaya dan ilmu dalam kalangan masyarakat Malaysia, sekali gus suatu penghormatan kita kepada karya-karya agung yang berlatarbelakangkan bangsa dan budaya bangsa. Melalui usaha penerbitan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Yayasan Karyawan, Institut Terjemahan dan Buku Negara dan penerbit-penerbit lain, penyebaran karya-karya agung dalam kalangan masyarakat pelbagai generasi diharapkan dapat memupuk keharmonian dan sikap positif yang menjadi prasyarat keutuhan bangsa dan negara.

16. Kerajaan Malaysia sudah sekian lama menyedari betapa besar manfaatnya menjalinkan hubungan diplomatik dan ekonomi dengan negara China – “gergasi yang tidur nyenyak” itu. China adalah kuasa ekonomi kedua terbesar selepas Amerika Syarikat, dan sudah pasti Malaysia dan China akan memperoleh manfaat yang cukup besar dengan terus memperkukuh hubungan diplomatik dan ekonomi dua hala. Untuk itu, Kerajaan amat berharap bahawa para usahawan dan peniaga di Malaysia akan senantiasa mengambil segala peluang yang disediakan oleh Kerajaan untuk menjalinkan hubungan ekonomi yang lebih mantap dan berdaya maju dengan negara China dan pada masa yang sama saling memanfaatkan kekuatan unsur-unsur tamadun kedua-dua pihak.

17. Saya juga ingin mencadangkan agar para cendekiawan dan budayawan bekerjasama dengan DBP dan pertubuhan bukan kerajaan untuk memperbanyak wacana intelektual berkaitan dengan falsafah dan pemikiran bangsa-bangsa di dunia ini yang tercermin dalam karya-karya agung masing-masing. Dengan adanya wacana ini, saya yakin hasil kajian dan gagasan yang menjurus kepada pembinaan kegemilangan negara bangsa dapat dijana sebaik yang mungkin.

18. Marilah kita semua meneruskan hasrat dan aspirasi untuk membina Negara Malaysia yang maju dengan menolak apa-apa juga bentuk ekstremisme dan ketaasuban demi memastikan bangsa dan negara kita tetap aman, stabil dan maju. Negara yang maju akan dapat kita capai melalui kerajaan yang stabil, berwawasan, mengutamakan rakyat dan berintegriti.

19. Akhirnya, marilah kita bersama-sama membangunkan masyarakat Malaysia yang berilmu pengetahuan dan bijaksana dengan banyak membaca karya-karya bermutu, dan pada waktu yang sama meningkatkan penulisan dan penerbitan karya sastera dan karya ilmu yang bermutu tinggi serta bermanfaat kepada bangsa dan negara kita.

20. Dengan lafaz BISMILLAHIR-RAHMAN-NIR-RAHIM saya dengan sukacitanya melancarkan buku karya agung Hikayat Tiga Negara, Seminar dan Pameran Hikayat Tiga Negara.

Sekian, terima kasih.